

Kanser usus meningkat

>>Oleh Nurul Halawati Azhari

KANSER 'colorectal' yang juga dikenali sebagai kanser usus adalah penyakit barah utama bagi orang lelaki dan ketiga paling banyak menyerang kaum wanita di negara ini.

Penyakit ini pula adalah paling tinggi bagi bangsa Cina. Setiap tahun di seluruh dunia, terdapat 655,000 kematian akibat kanser ini.

Kanser usus menjadi kes kanser ketiga paling utama serta kedua sebagai penyebab kematian akibat kanser di Barat.

Bagaimanapun, jumlah kes ini agak stabil di kebanyakan negara Barat. Di Asia, terutama di Jepun dan Singapura, jumlah kes kanser semakin meningkat dalam tempoh 10 tahun lalu.

Kanser usus mengambil alih kanser paru-paru sebagai kanser utama menyerang lelaki.

"Dahulu, kanser usus bukan sesuatu yang biasa di Jepun, Singapura atau negara Asia lain. Satu teori mengaitkan diet mereka kini me-



Kemampuan doktor mengenal pasti sel kanser secara spesifik adalah penemuan luar biasa"

>>Dr Christina Ng
Pakar Runding Onkologi Pusat Perubatan
Universiti Malaya (PPUM)

ngikut diet di Barat.

"Lihat pada diet yang mirip Barat di Jepun. Mereka sekarang kurang makan serat dan minum lebih alkohol serta makan lebih daging.

"Saya tak mengatakan daging penyebab kanser. Tetapi tabiat pemakanan boleh menjadi antara faktornya. Diet memainkan peranan utama. Ini mungkin boleh menjelaskan kenapa kanser kolon semakin meningkat di negara seperti Malaysia, Singapura dan Jepun," Kata Presiden Persatuan Onkologi

Malaysia, Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abdul Wahid.

Beliau berkata, kanser boleh dirawat jika disedari lebih awal.

Inilah mesej daripada doktor. Tetapi bagi kanser, pesakit mungkin memerlukan beberapa rawatan.

Menurutnya, rawatan untuk kanser adalah kompleks dan mencabar.

Jika kanser usus disedari pada peringkat awal dan belum merebak, ia boleh disembuhkan.

"Jika lambat disedari, pe-



DERITA...serangan kanser usus boleh dirawat jika dikesan lebih awal.

luang untuk sembuh tidak cerah. Rawatan berlainan diperlukan bagi peringkat awal dan peringkat lanjut. Dengan kaedah berbeza, kami akan melihat berapa lama pesakit boleh hidup dalam masa lima tahun.

"Kita tak melihat kepada jangkaan hayat mereka, tetapi bagaimana mereka meneruskan survival. Adakah mereka dalam keselesaan atau sebaliknya," katanya.

Pakar onkologi perlu menilai beberapa aspek sebelum membuat keputusan rawatan terbaik bagi pesakit. Pembedahan adalah pilihan atau pilihan utama manakala kemoterapi atau radioterapi mungkin dicadangkan bergantung kepada keadaan pesakit dan faktor perubahan yang lain.

Seperti mana terdapat pelbagai penyakit kanser, begitu juga ada banyak jenis rawatan untuknya.

Bagi sesetengah orang, mereka mungkin terdengar mengenai satu atau dua kaedah rawatan kanser, tetapi doktor mungkin menggabungkan beberapa terapi. Ia bukan sahaja untuk membuang kanser berkenaan, tetapi untuk memastikan kanser itu tidak datang semula.

Pakar Runding Onkologi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) - Dr Christina Ng, berkata kemampuan doktor mengenal pasti sel kanser secara spesifik adalah penemuan luar biasa.

Ini membantu sel terbahagi menjadi 'sasaran' dan dilemahkan bagi membantutkan pembesaran kanser itu.

Rawatan seperti ini adalah pencapaian signifikan jika dibandingkan dengan kaedah konvensional seperti kemoterapi yang membunuh semua sel.

"Rawatan ini diasaskan kepada pemahaman yang sel kanser membesar lebih cepat daripada sel normal, jadi sel kanser akan binasa terlebih dahulu.

"Bagaimanapun, ada sel lain membesar cepat seperti sel usus, sumsum tulang, folikel rambut dan rahim. Ini juga akan binasa."

Sementara itu, terapi sasaran seperti Cetuximab hanya menyerang sel kanser. Cetuximab boleh melekat pada reseptor faktor pembesaran epidermal (EGFR) dan menyekat sel kanser daripada menerima nutrien untuk pembesaran dan percambahan.

Beliau berkata, ini menghalang tumor daripada menyerang tisu normal dan pelepasan tumor itu kepada organ lain.

Cetuximab sebenarnya membuat sel kanser 'kebuluran' dan kaedah terapi sasaran mempunyai kesan sampingan yang kurang."

Menurut Global Cancer News, Cetuximab adalah antibodi monoklonal yang boleh digunakan bagi rawatan barah usus, leher dan kepala.

Cetuximab yang mempunyai penanda bio prediktif adalah rawatan 'barisan hadapan' bagi kanser colorectal

bermetastasis, membantu dalam pemilihan pesakit yang sesuai untuk kaedah terapi ini.

Menurut Daftar Majlis Barah Kebangsaan, terdapat beberapa situasi dan pengalaman yang menimbulkan pelbagai persepsi terhadap kanser. Namun bukan semua persepsi ini benar.

Terdapat juga beberapa mitos terhadap kanser colorectal. Ada yang percaya kanser ini hanya menyerang lelaki, tetapi hakikatnya ia menyerang lelaki dan wanita.

Juga tidak benar kanser usus tidak boleh dihalang kerana amaran awal mengenai kehadiran tanda dan gejala seperti adanya 'polyp' boleh membantu dalam rawatan kerana polyp boleh dibuang sebelum kanser berkenaan membesar dan merebak.

Bagi mereka yang mempunyai persepsi mengenai kanser boleh menyerang pada sebarang usia, kebanyakan daripada kes kanser usus di Malaysia membabitkan mereka berumur lebih 40 tahun.

Ia juga satu mitos apabila dikatakan rawatan kanser membinasakan kedua-dua sel normal dan sel kanser.

Hakikatnya doktor mempunyai opsyen rawatan seperti pembedahan, radioterapi, kemoterapi dan terapi sasaran.

"Kesan sampingan seperti rasa mual dan muntah boleh dikawal dan diurus. Adalah penting untuk ambil aspek ini (kesan sampingan) dari segi perspektif. Ini tidak bermakna rawatan kanser tidak efektif," kata Dr Mohamed Ibrahim.

Menurutnya, ramai yang mengambil perubahan alternatif kerana mereka percaya rawatan ini boleh menyembuhkan barah.

Tetapi mereka harus sedar hakikat kaedah rawatan kanser perlu melalui ujian intensif serta pembuktian secara saintifik sama ada mujarab atau sebaliknya.

"Sehingga kini, tiada ujian serta pengesanan akan keberkesanan kaedah perubahan alternatif terhadap kanser," katanya. - Bernama